

# Masjid hab remaja moden

## Pelantikan graduan sebagai pegawai agama mampu jana program tarik minat generasi muda

**B**erbekalkan hasrat untuk menyediakan pentadbir masjid yang profesional, sejumlah 23 graduan sarjana muda penganjian agama akan memulakan tugas sebagai pegawai eksekutif masjid di Negeri Sembilan mulai awal tahun depan.

Usaha ini harus dipuji dan menjadi ikutan negeri lain kerana ia selaras usaha menjadikan masjid sebagai pusat komuniti yang penting kepada masyarakat dan ditadbir secara profesional oleh pegawai berkeelayakan.

Usia mereka yang masih muda juga menjadi nilai tambah menjadikan masjid sebagai pusat interaksi remaja moden dengan golongan lebih dewasa. Menarik remaja ke masjid bukanlah satu tugas mudah, melainkan atas galakan dan dorongan diri sendiri.

Jika dulu, keseronokan berjemaah di masjid kerana dapat bertemu teman tetangga, tetapi hari ini, dunia baru hanya di rentas dengan hujung jari. Medan komunikasi yang lebih luas dan pantas tidak memerlukan pertemuan wajah ke wajah, tetapi cukup dengan sedikit kemahiran teknologi.

Justeru, selain sebagai tempat menuaikan solat berjemaah, masjid sudah kekurangan fungsinya sebagai pusat kegiatan sosial masyarakat setempat. Pihak yang memakmurkan masjid anyalah golongan dewasa dan warga emas untuk menunaikan solat.

Mereka juga menganjurkan aktiviti sempena hari kebesaran Islam dan mereka jugalah yang memeriahkannya. Sangat sedikit remaja yang mengemudi program keagamaan, mungkin mereka tidak diberi kepercayaan.

Walau bagaimanapun, remaja hari ini semakin berketrampilan dan bi-



Masjid perlu dijadikan **hab remaja moden** untuk mendekatkan diri dengan agama.

[GAMBAR HIASAN ]

jaksana. Mereka berani dan berkaliber, tahu mengurus masa serta mampu memimpin yang lebih dewasa. Sayang andainya kelebihan ini tidak dimanfaatkan sedangkan mereka berlapang dada jika diberi amanah untuk agama.

### Tarbiah golongan muda

Pengurusan masjid yang peka terhadap keperluan tarbiah golongan muda perlu meletakkan keutamaan golongan sasaran ini dalam merangka setiap aktiviti diadakan. Selain mengadakan aktiviti untuk remaja, lebih baik jika yang menguruskan aktiviti itu daripada kalangan mereka juga.

Tentulah pihak yang melaksanakan program arif mengenai keperluan tarbiah remaja dan tahu merangka bentuk pengisian yang mampu menarik minat mereka. Menjadikan masjid sebagai hab remaja moden amat perlu untuk memberi pendidikan agama secara langsung.

Selain kelas pengajian al-Quran, tajwid, sirah dan agama, aktiviti berkala juga penting untuk mengistiqamahkan remaja dengan masjid, sekurangnya mereka tahu bersolat dengan cara yang betul.

Tindakan meminggirkan remaja daripada pengurusan masjid adalah satu kerugian kerana mereka mampu mem-

beri idea dan pandangan yang bagus untuk kebaikan kariah.

Remaja mungkin lebih berminat menjadikan masjid sebagai hab sosial jika masjid menyediakan ruang pendidikan khusus untuk lelaki dan perempuan seperti perpustakaan, bilik perbincangan atau diskusi ilmiah, bilik operasi aktiviti kemasyarakatan, kelas tambahan dan kemudahan WiFi.

### Rangka kemudahan, aktiviti sesuai minat remaja

Kemudahan lain berbentuk khidmat kaunseling yang disediakan di masjid secara sukarela atau berbayar turut menarik minat remaja. Sebahagian besar remaja bermasalah cuba mencari penyelesaian dengan cara berkongsi rasa bersama orang yang dipercayai, tetapi sering kali tersilap membuat pilihan.

Aktiviti keagamaan yang diadakan sempena Maulidur Rasul, Maal Hijrah, Nuzul al-Quran, Ramadan, usahlah berkisar kepada penganjuran forum atau ceramah saja. Memang ia bermanfaat dan mampu menarik minat masyarakat ke masjid, tetapi kurang remaja.

Sungguhpun begitu, ada juga penganjur yang mengadakan majlis forum dan ceramah yang diselang-selikan dengan nasyid. Ini sangat mengujakan generasi muda, apatah lagi jika idola mereka berada di depan mata.

Usaha bukan saja untuk mengakrabkan remaja dengan masjid, juga pengu-rusan masjid. Imam dan bilal perlu lebih mesra serta mudah didekati golongan ini, mereka boleh dijadikan tempat rujukan agama, berkongsi masalah atau pandangan mengenai pelbagai perkara.

Organisasi masjid yang lebih menyeluruh, termasuklah kalangan jemaah remaja kerana suara dan idea mereka mampu menarik lebih ramai generasi muda ke masjid sekali gus menjadikan masjid pusat interaksi remaja moden hari ini.

Pelantikan pentadbir masjid daripada mereka yang baru menamatkan pengajian universiti boleh membantu ke arah pengurusan masjid yang lebih profesional dan meluaskan fungsi sedia ada.



**NIK SALIDA SUHAILA**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Syariah dan  
Undang-Undang  
Universiti Sains  
Islam Malaysia